

14 APR 2000

UMNO GUA MUSANG CALONKAN DR MAHATHIR DAN ABDULLAH

KOTA BAHARU, 14 April (Bernama) -- Umno Bahagian Gua Musang mencalonkan Datuk Seri Dr Mahahir Mohamad untuk jawatan presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalan presiden bagi pemilihan Umno Mei ini.

Jawatankuasa bahagian itu, yang bermesyuarat di sini hari ini, turut mencalonkan ketua bahagiannya Tengku Razaleigh Hamzah untuk bertanding bagi jawatan naib presiden.

Dua lagi calon naib presiden yang dikemukakan oleh bahagian itu ialah Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Osu Sukam.

Mesyuarat itu, yang dipengerusikan oleh Tengku Razaleigh, mengemukakan nama-nama berkenaan berikutan keputusan mesyuarat perwakilan bahagian itu pada 31 Mac lepas menyerahkan kepada jawatankuasa bahagian membuat pencalonan bagi semua jawatan tertinggi untuk pemilihan parti.

-- BERNAMA

BD RON